



Ucapan Perasmian

**Yang Berhormat
Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia
Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah
Dato Paduka Haji Awang Othman
*Menteri Hal Ehwal Ugama***

Di Seminar Akidah Dan Pemikiran Semasa (SEKAPES 2019)

**Anjuran Pusat Pengajian Ahli Sunnah Waljemaah,
Fakulti Usuluddin dan Fakulti Syariah, Kolej Universiti Perguruan
Ugama Seri Begawan (KUPU SB)**

**Pada Hari Rabu, 14 Zulhijjah 1440
Bersamaan 14 Ogos 2019**

Jam 10:15 Pagi

**Bertempat Di
Dewan Tarbiyyah,
Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَبِهِ نَسْتَعِينُ عَلَى أَمْوَارِ الدُّنْيَا وَالدِّينِ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَئِمَّةِ وَالْمُرْسَلِينَ
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah wasysukru lillahi. Kita memuji dan mensyukuri Allah Ta'ala kerana rahmat izin-Nya kita hadir dalam acara seminar pagi ini di kawasan salah sebuah pusat pengajian tinggi Islam, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) di negara kita Brunei Darussalam yang tercinta ini.

Khususnya puji syukur itu dari saya peribadi. Saya tidak setakat hadir bahkan bertuah mendapat penghormatan berucap merasmikannya.

Seterusnya saya mengucapkan terima kasih kepada pengajur seminar khasnya pimpinan *Pusat Pengkajian Ahli Sunnah Wal Jamaah, Fakulti Usuluddin* dan *Fakulti Syariah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB)*.

Tidak setakat berterima kasih bahkan saya juga ingin dan suka cinta mengucapkan penghargaan kepada Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) kerana memilih subjek seminar ini iaitu *Akidah dan Pemikiran Semasa*. Dengan itu Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) menerusi Pusat Pengkajian Ahli Sunnah Wal Jamaahnya menyedari tentang kepentingan *menghubungkan* pengkajian akidah – tentu dimaksudkan – akidah Ahlissunnah Wal Jamaah - dengan subjek-subjek atau isu-isu semasa.

Tambahan lagi, saya difahamkan seminar ini adalah antara aktiviti ilmiah yang menjadi *platform* mendukung dan sekali gus memberi gakan kefahaman akidah Ahlissunnah itu dalam konteksnya sebagai dasar kenegaraan kita.

Ahlissunnah sebagai dasar kenegaraan itu ialah merujuk kepada pemasyhoran kemerdekaan negara pada 1hb Januari 1984, bahawa “*Negara Brunei Darussalam adalah dan dengan izin Allah serta limpah kurnia Allah Subhanahu Wata’ala, akan untuk selama-lamanya kekal menjadi negara Melayu Islam beraja yang merdeka, berdaulat dan demokratik bersendikan kepada ajaran-ajaran ugama Islam menurut Ahlussunnah Wal Jamaah, dan dengan berdasarkan keadilan dan amanah dan kebebasan.....*”

Dalam kontek sosial dan kenegaraan itu tentu banyak perkara ajaran ugama Islam dalam ruang lingkup akidah dan syari’ah untuk dijadikan kajian.

Dan fokus kajian yang diharapkan ialah untuk mendapatkan dan seterusnya memperlihatkan sejauh mana ajaran ugama Islam dalam aspek akidah dan syari'ah itu berpengaruh positif dalam sistem sosial dan pemerintahan negara kita dan seterusnya negara umat Islam lainnya.

Namun sayangnya belum ada atau belum banyak didapati kajian ilmiah sedemikian mengenainya sama ada berhubung dengan negara kita yang sudah setentunya lebih afdhal dibuat oleh sarjana-sarjana kita di sini atau dalam kajian ijazah lanjutan Phd mereka di luar negeri.

Akibat ketiadaan atau pun sudah ada namun masih belum ketara didapati keterangan-keterangan yang boleh dijadikan panduan tentang ruang lingkup akidah dan syari'ah dan hubungannya dengan sistem sosial dan pemerintahan itu menjadikan umat Islam sendiri melihat dengan selesa dan meletakkan atau mendapati dirinya bermasyarakat dan berpemerintahan memadai dengan sistem yang mereka turut-turutan menamakan dan menyebutnya *secular* pada hal belum tentu sedemikian namun mereka selesa pula membangun negaranya dan mencapai kemajuannya semata-mata dari mata-hati duniawi, tidak ukhrawi.

Oleh yang demikian itu antaranya terjadi orang mengukur dengan indeks kayu ukur atau indeks tertentu berdasarkan aplikasi 'ajaran-ajaran Islam' di beberapa buah negara dunia, negara Islam dan bukan Islam, mendapati 'ajaran-ajaran Islam' lebih ketara dalam pencapaian kemajuan sesebuah negara bukan Islam dan *secular* berbanding dengan negara-negara Islam termasuk negara-negara Islam yang kaya.

Menurut satu kertas kajian ilmiah seorang sarjana Islam* di Amerika ternyata negara-negara yang bukan Islam dan *secular* jauh lebih *Islamik* mengatasi negara-negara Islam menurut ukuran aplikasi 'ajaran-ajaran Islam' dalam pencapaian pembangunan dan kemajuan negara-negara yang bukan Islam itu.

Itulah ekoran yang terjadi apabila kajian-kajian tidak ada atau belum cukup untuk dipelajari mengenai hubung kait akidah dan syari'ah dalam sistem sosial dan pemerintahan.

Ini tentu akan terjadi di negara kita sekiranya aspek-aspek akidah dan syari'ah itu dipelajari secara kajian terpencil dalam batas ianya ilmu ugama sebagai pengajian Islam dan tidak dalam kontekstualnya dengan sistem sosial dan pemerintahan negaranya yang membangun dan mencapai kemajuan pembangunan.

Kita sebagai pemangkin kesedaran berugama di kalangan rakyat sering menyebut *maqasid syari'ah*. Dalam hal ini kita dari kalangan disiplin pengajian

ugama ini sudah serak suara menyebut-menyebutnya, namun ianya yakni *maqasid syari'ah* itu disebut dalam kontek keunggulan ugama Islam.

Rupanya ternyata unggul yang kita laungkan itu setakat menepati ruang lingkup mengajarkan supaya kita umat Islam tetap teguh berpegang kepada akidah dan syari'ah dan secara disedari atau tidak rupanya kesan utamanya ialah menjadikan kita bernostalgia tentang masa lampau sejarah dan tamadun gemilang ugama Islam dan bangsa-bangsa Islam zaman lampau.

Maaf jika saya hampir sahaja sepandapat dengan rakan di luar kalangan berpendidikan ugama seperti saya ini, sampai lulus pengajian tinggi dengan gelar-gelar peringkat akademik dan jurusannya, bahawa kawan di luar seperti itu melihat kita ini dengan tanggapan bahawa kita yang terdidik dalam bentuk dan pendekatan pengajian Islam yang konvensional adalah tidak akan berupaya untuk menterjemahkan Islam - akidah dan syariah - sebagai *ad-deen* dengan *maqasidnya yang lima perkara itu* (memelihara agama, memelihara nyawa, memelihara akal, memelihara keturunan dan memelihara harta) jelas ketara dilihat, difahami dan seterusnya diperakukan kesan positifnya dalam semua aspek sosial dan kenegaraan sesuai dengan hikmat ianya disyariatkan oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala.

Namun kepada rakan di luar sedemikian itu saya bawakan 'keterangan' bahawa kita di Brunei ini telah meletakkan ugama (ajaran-ajaran Islam) itu di hadapan, sebagai pedoman, bukan di samping dan apa lagi di belakang.

Dia tahu itu namun baginya bagi orang lain sepertinya ingin melihat ianya diterjemahkan menerusi corak baharu pengajian Islam yang tidak setakat bernostalgia dengan kegemilangan masa lampau Islam dan umat Islam.

Saya sering menyebut hal ini dalam keperluan kita di pusat-pusat pengajian tinggi di negara ini untuk menyediakan wadah mempelajari ilmu ugama dengan melihat juga aspek kontekstualnya. Mungkin hal ini dapat dikesan dalam ucapan saya tahun lepas.

Maksud saya ialah pengajian akidah dan syari'ah yang kita sebut-sebut akidahnya ialah akidah Ahlussunnah Waljamaah dan syari'ahnya (feqah) menurut mazhab Syafi'e itu hendaklah dilihat dalam makna dikaji dan seterusnya diketengahkan dalam kontek sejauh mana aplikasinya ke dalam kehidupan sosial dan pemerintahan untuk mengukurnya apakah ia syari'e atau bagaimana.

Setakat ini, dengan kajian secara *sathi* yakni baru luar-luaran, tidak sedalam mana yang selayaknya, namun sekarang saya memberanikan diri memperakukan bahawa pemerintahan kita dilihat kepada Perlembagaan

Negara dan dokumen-dokumen penting kenegaraan seperti Undang-Undang Mengangkat Raja dan Pemangku Raja dan juga Undang-Undang Taraf Kebangsaan adalah *syari'ah compliance*, patuh syari'ah. Maka ianyanya adalah Islamik*. (Kertas kerja 2011)

Maka menerusi Seminar Akidah dan Pemikiran Semasa yang dianjurkana ini dan dengan adanya pusat-pusat mengkaji Akidah Ahlissunnah Waljamaah di Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) dan Mazhab Syafi'e di UNISSA wajarlah menaruh harapan bahawa kita di Brunei akan mendapati kajian akidah dan syari'ah memperakaukan benar-benar memahami keislaman negara kita Brunei Darussalam, dalam sistem sosial dan pemerintahannya, khasnya demokratiknya itu adalah menepati akidah Ahlissunnah Waljamaah dan Mazhab Syafi'e atau kalau kurang pun ianya masih dalam parameter patuh syariah atau *syariah compliance* sesuai dengan proses yang terus kita alami menurut yang kita hasratkan dalam Pemasyhoran Kemerdekaan:

"Negara Brunei Darussalam adalah dan dengan izin serta limpah kurnia Allah Subhanahu Wata'ala akan untuk selama-lamanya kekal menjadi sebuah Negara Melayu Islam Beraja yang merdeka, berdaulat dan demokratik bersendikan kepada ajaran ugama Islam menurut Ahli Sunnah Waljamaah, dan dengan berasaskan keadilan dan amanah dan kebebasan; dan dengan petunjuk serta keredaan Allah Subhanahu Wata'ala juga akan sentiasa berusaha pada memperolehi ketenteraman dan keselamatan, kebajikan serta kebahagiaan bagi rakyat Beta; dan demikian juga pemeliharaan perhubungan persahabatan di kalangan antarabangsa atas dasar saling hormat menghormati terhadap kemerdekaan, kedaulatan, persamaan dan keutuhan (kukoh) wilayah bagi semua negara yang bebas dari campur tangan dari luar negeri".

Demikianlah. Dengan itu saya sukacita mengisyiharkan bahawa Seminar Akidah dan Pemikiran Semasa 2019 ini dirasmikan.

Sekian.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَا

وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

- Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia
Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah
Dato Paduka Haji Awang Othman
(Menteri Hal Ehwal Ugama)

Pejabat Menteri
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Selasa, 12 Zulhijjah 1440 / 13 Ogos 2019